

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"KITA mahu, jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet, dan kalau berusaha, janganlah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing".

- Titah Sempena Sambutan Tahun Baharu Masihi 2020.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسٹ ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN ingatlah Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 146.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.36

SUBUH

4.46

SYURUK

6.07

DUHA

6.30

ZUHUR

12.05

ASAR

3.27

MAGHRIB

6.02

ISYAK

7.14

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 136

11 NOVEMBER 2020 / 1442 ربيع الأول 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami terlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

NBD - Singapura terus jalin hubungan istimewa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri, Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Heng Swee Keat. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 2).

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 10 NOVEMBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN **148**

JUMLAH KEMATIAN **3**

JUMLAH KES YANG SEMBUH **145**

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 **148**

Mushaf UNISSA julang syiar Islam negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Isnin, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam titah baginda menyifatkan bahawa Majlis Haflut Takharruj UNISSA pada kali ini sangat bermakna dan bersejarah.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ini kerana bertepatan dengan 10 tahun UNISSA mengeluarkan graduannya, Mushaf UNISSA tulisan tangan, buat julung kalinya telah dijulang dan diarak sebagai mengepalai perarakan Haflut Takharruj pada kali ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

bertitah demikian pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-10, UNISSA Bagi Tahun 1442H / 2020M, yang berlangsung pagi tadi di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Kebawah DYMM gembira mengetahui bahawa Mushaf UNISSA tersebut telah ditulis tangan dan direka bentuk sepenuhnya oleh anak tempatan.

"Ini adalah merupakan kejayaan sangat bermakna dan sekali gus menjulang syiar Islam di negara ini. Beta ingin merakamkan ucapan setinggi - tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jawatankuasa Tertinggi Penulisan Mushaf UNISSA dan juga semua pihak yang terlibat dalam menjayakannya," titah baginda.

Terdahulu, baginda merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat sama-sama berhimpun di Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-10, UNISSA.

Baginda juga bertitah bahawa Haflut Takharruj kali ini sedikit berbeza dari tahun-tahun yang lalu. Adapun sebabnya, telah dimaklumi bersama.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



MUSHAF UNISSA sumber keberkatan, simbol keagungan Islam NBD

Muka 27-28